

TRANSFORMASI ORGANISASI MELALUI TADBIR URUS BERSEPADU (TUBE)

6-11 APRIL 2026
11-16 OGOS 2026
BANDUNG, INDONESIA

LAWATAN
PENANDA
ARAS KE
AGENSI
TERPILIH

YURAN
RM 13,500

* Yuran termasuk penginapan 6 hari 5 malam
(bilik seorang), kit program, makan, minum
dan sijil penyertaan





■ PENGENALAN

Melaksanakan agenda transformasi memerlukan pengurusan data yang sistematik dan tadbir urus (tatakelola) yang baik. Ini sekaligus akan merangsang peningkatan produktiviti, mempercepatkan pencapaian matlamat strategik organisasi serta mampu mencegah ketirisan dalam pengurusan sumber. TUBE direkabentuk khusus untuk membantu peserta membangunkan pelan transtormasi dengan menggunakan pendekatan TUBE. Pendekatan TUBE dibangunkan berasaskan kerangka berasaskan hasil (outcome based) dengan kandungan program menjurus kepada membantu menyediakan penyelesaian menyeluruh dan sistematik mencakupi peringkat organisasi (makro) dan individu (mikro). Dengan kata lain program ini memberi panduan untuk menterjemahkan visi dan misi organisasi kepada tindakan peringkat individu.

■ MATLAMAT PROGRAM

Pada akhir program ini, peserta akan dapat;

- Memahami keperluan dan kepentingan proses transformasi organisasi
- Mengenalpasti elemen penting dalam melaksanakan transformasi organisasi
- Memahami konsep dan proses pelaksanaan pendekatan TUBE
- Menguasai teknik TUBE dalam merangka pelan teknik dalam merangka transformasi di peringkat organisasi dan individu

■ KANDUNGAN

- Organisasi dan tuntutan perubahan
- Kerangka dan pendekatan TUBE
- Hubungkan halatuju melaksanakan transformasi organisasi dan peranan individu
- Perkongsian pengalaman tranformasi digital oleh 3 agensi di Indonesia
- Elemen High-Touch dari dimensi TUBE
- Mengaplikasikan teknik TUBE dalam merangka transformasi pelan tindakan peringkat organisasi dan individu


PEMUDAH CARA



Dato' Dr. Musa Ali pada masa sekarang ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di MTalent sebuah agensi penyedia latihan dan pembekal sistem pengurusan sumber manusia. Sebelum ini, beliau berpengalaman lebih 33 tahun sebagai pentadbir dengan menyertai USM sebagai staf sejak 1990. Antara jawatan yang pernah disandang beliau adalah Pendaftar, USM (2018-2023) serta pengasas dan Pengarah, Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM) (2012-2023). Beliau telah berjaya membangunkan rangkaian antarabangsa yang membolehkan beliau bekerja dengan pakar pengurusan dan pengamal di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang kepakarannya, pengurusan prestasi organisasi dan individu. Mendapat pendidikan di peringkat ijazah pertama dan sarjana di Universiti Sains Malaysia dan Doctor of Human Resource Management dari Murdoch University, Australia. Semasa di Australia beliau juga bertugas sebagai perunding sumber manusia di sebuah jabatan kerajaan tempatan di Australia dan terlibat dalam membangunkan kerangka kompetensi untuk jabatan berkenaan. Beliau adalah 'certified facilitator' untuk Benchmarks®, SKILLSCOPE®, Prospector®, 360 BY DESIGN®, Executive Dimension® dan KEYS® dari Center for Creative Leadership, Amerika Syarikat. Bukunya iaitu "Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam" telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada tahun 2008. Pada tahun 2015 beliau menghasilkan buku "Transformasi Organisasi : Konsep dan Teknik Pelaksanaan" dan buku itu yang telah diulang cetak empat kali kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam tiga bahasa lain iaitu bahasa Inggeris (2016), bahasa Arab (2020) dan bahasa Jepun (2021). Pada tahun 2022, beliau telah menghasilkan buku autobiografinya berjudul "Sirap Limau Ais: Memoir Seorang Pentadbir" yang dilancarkan pada 28 Mac 2022. Di samping itu, beliau juga telah berjaya membangunkan beberapa aplikasi sumber manusia antaranya myCPD™ (dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2008), mytalent© (sistem pelan penggantian), myworkprofiling© dan myHR© yang kini digunakan oleh pelbagai agensi. Beliau juga adalah Adjunct Professor di DRB-HICOM University of Automotive Malaysia dan felo pelawat di CED4-System Dynamics Group, University of Palermo, Itali. Atas sumbangannya, beliau menerima pelbagai anugerah antaranya terpilih sebagai penerima Anugerah Khas oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sempena sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 1 Mei 2022, penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah USM 2022 dan penerima Top Performers Award Usains Holdings 2023. Beliau banyak terlibat dalam penulisan mengenai sektor awam di media tempatan serta sering dijemput oleh stesen televisyen tempatan sebagai panelis untuk program berkaitan pembaharuan dalam sektor awam. Beliau terlibat mengendalikan latihan dan mengetuai projek-projek perundingan dalam bidang pengurusan pelan strategik, pengurusan prestasi dan pengurusan sumber manusia untuk pelbagai jabatan kerajaan termasuk GLCS.



TESTIMONI PESERTA



M-Talent telah menganjurkan satu khusus pengurusan yang sesuai untuk semua skim perkhidmatan. Kursus ini memberi pengetahuan dengan pelbagai konsep dan teori serta lawatan secara praktikal di beberapa agensi kerajaan di Bandung Indonesia. Kursus yang menekankan kepada transformasi organisasi pengurusan tadbir urus adalah berlainan berbanding dengan kursus-kursus yang sedia ada sekarang. Harapan saya agar diberi peluang lebih luas kepada pegawai-pegawai di sektor kerajaan yang lain pada masa akan datang untuk turut serta di dalam kursus ini.

Kol. Bersekutu (PA)
Siti Massuriani
Muhammad Amin
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia (BPSM)
Angkatan Pertahanan Awam
Malaysia



TUBE memberi saya pengetahuan vbaru tentang transformasi organisasi. Di samping aktiviti dalam kelas, saya bermanfaat dan teruja dengan sesi perkongsian tentang sistem teknologi aplikasi JAK (Jakarta Kini) yang diperkenalkan oleh Jakarta smart City. Ianya sangat centralized, di mana semua aplikasi kerajaan disatukan di dalam satu platform yang mudah di akseskan oleh masyarakat awam. Begitu juga sesi lawatan di Bandung Command Center di mana kita dapat mempelajari bagaimana yang dapat memantau dan mengawas pelbagai situasi termasuk bencana banjir, kesesakan lalulintas Kota Bandung semasa secara real time.

Wan Nur Famieza Wan
Rahimi
Jabatan Perdana Menteri



Satu pengalaman yang hebat setelah menyertai program TUBE yang dianjurkan oleh MTalent. Kursus ini melengkapkan peserta dengan pengetahuan melalui ilmu yang bermanfaat dari segi konsep, kaedah kompetensi, pelan perancangan strategik dan perkongsian pengalaman dari jabatan dan agensi kerajaan di Indonesia. Ilmu yang diperolehi ini boleh di realisasikan dan di aplikasikan untuk memperkasakan pelan pembangunan organisasi jabatan.

Azaria Zakaria
Organisasi Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah
Malaysia

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

MTalent Training & Consultancy Services Sdn Bhd
Suite 160, Level 1, Eureka Complex,
Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang

 admin@mtalent.com.my

 +604-653 4196

 +6018-767 8160

 <https://mtalent.com.my>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 11 Mac 2026
: 15 Julai 2026

* MTalent™ berhak untuk meminda tarikh, masa, tempat, yuran, serta membatalkan program tawaran tanpa sebarang makluman terlebih dahulu.

* MTalent™ reserves the right to amend the date, time, place, fee, or cancel the programs offered without prior notice.